

No. Siri :

Harga : RM30.00



JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

DOKUMEN SEBUT HARGA PHN.NS.SH 5/2020

**SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL,
MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH
DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN)
PERKAKASAN ICT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN**

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:

05 OKTOBER 2020(ISNIN),

JAM 12.00 TENGAHARI

PERHATIAN

1. Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Penyebutharga yang tersilap mengisi borang atau melanggar mana-mana arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebutharga ini tidak akan dipertimbangkan tawarannya.

KENYATAAN SEBUTHARGA

JABATAN PERHUTANAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera Tempatan dalam kod bidang seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut :

No./ Tajuk Sebutharga	Kod Bidang Pendaftaran	Tempat / Tarikh Dokumen Dikeluarkan	Tarikh Tutup
PHN.NS.SH 5/2020 Sebutharga Bagi Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Perkakasan ICT Di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan	210101 dan 210102	Dokumen sebutharga boleh dimuat turun di pautan : http://forestry.ns.gov.my mulai 01 Oktober 2020 10.00 Pagi	05 Oktober 2020 (Isnin) Tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari

1. Dokumen Sebutharga ini dijual dengan harga RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sahaja). Borang ini hanya boleh dimuat turun di laman sesawang <http://forestry.ns.gov.my> mulai **01 Oktober 2020 jam 10.00 pagi**. Bayaran bagi borang yang dimuat turun hendaklah dibuat secara **PERBANKAN INTERNET SAHAJA** seperti yang berikut:

- No. Akaun : **8004433398 (CIMB BANK)** atas nama **BENDAHARI NEGERI NS-AKAUN TERIMAAN**
- Penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengisi maklumat **Kod Bayaran** seperti yang berikut:
 - Rujukan 1: No. Sebut harga **PHN.NS.SH 5/2020**
 - Rujukan 2: Nama Syarikat
- Slip Bayaran hendaklah dikepilkan bersama-sama dokumen sebut harga sewaktu serahan.

2. Tiada sesi taklimat diadakan memandangkan isu penularan wabak COVID-19 yang melanda negara ketika ini. Oleh itu, penyebut harga dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga yang munasabah.
3. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban, Negeri Sembilan **sebelum atau pada 05 OKTOBER 2020 pukul 12.00 tengahari**.
4. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran.
5. Jabatan juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen dan spesifikasi sebutharga ini boleh menghubungi pegawai berikut :

MOHD HAFIZ BIN ZAINUDIN : 06-7659849

Tarikh Kenyataan Sebut Harga ini
dikeluarkan 01 OKTOBER 2020

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Kenyataan Tawaran

1.1 Tawaran Sebut Harga ini dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210100 – Peralatan dan Kelengkapan Komputer yang memenuhi semua bidang berikut :

210101 - *Hardware (low end technology) -Supply all types of computer hardware Including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance.*

210102 - *Hardware (high end technology) - All types of server, mainframe, high end Printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance.*

1.2 Penyebut harga hendaklah memastikan tempoh pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan Malaysia masih sah.

2. Dokumen Sebut Harga

2.1 Dokumen sebut harga ini boleh dimuat turun di pautan <http://forestry.ns.gov.my> mulai **01 Oktober 2020** mulai jam **10.00** pagi.

3. Penyerahan Dokumen Sebut Harga

3.1. Semua tawaran hendaklah sampai kepada Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan pada atau sebelum **05 Oktober 2020** pukul **12.00** tengah hari. **Tawaran yang lewat** diterima dari tarikh dan masa yang tersebut di atas **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

3.2. Tawaran hendaklah dikemukakan dalam satu (1) salinan di dalam sampul yang dimeterai, di lakri dan hendaklah ditulis dengan : **No. Sebut Harga: PHN.NS.SH 05/2020** dan dialamatkan kepada :

**Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri,
70503 Seremban, NEGERI SEMBILAN**

3.3. Dokumen sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap seperti yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga dibenarkan menaip maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh penyebut harga serta di cop dengan cop syarikat. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang penyebut harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh penyebut harga dan diberikan tarikh sebenarnya.

- 3.4. Dokumen Sebut Harga yang diperolehi hendaklah mengandungi perkara berikut :

Bil.	Rujukan	Dokumen
i.	Lampiran Q	Arahan Perbendaharaan 170- Borang sebut harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani
ii.	Lampiran 1	Jadual Tawaran Harga
iii.	Lampiran 2	Jadual Spesifikasi Perkhidmatan
iv.	Lampiran 3	Surat Akuan Pembida
v.	Lampiran 4	Surat Akuan Penyebut Harga
vi.	Lampiran 5	Borang Maklumat Penyebut Harga
vii.	-	Salinan resit asal pembelian dokumen Sebut Harga
viii.	-	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia
ix	-	Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (Jika Berkaitan)
x	-	Salinan Perakuan Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
xi	-	Salinan Penyata Bank untuk tiga bulan terakhir (Ogos 2020, Julai 2020, Jun 2020)
xii	Lampiran 6	Pengalaman Syarikat
xiii	Lampiran 7	Kerja-kerja Semasa Yang Dijalankan
xiv	-	Senarai Semak Senarai Semak Dokumen Sebut Harga Yang Perlu Dihantar.

- 3.5. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga disebabkan oleh kesilapan memasukkan borang penyertaan Sebut harga ke dalam peti sebut harga atau sebut harga yang dihantar dengan melalui pos.
- 3.6. Ketidakpatuhan kepada keperluan ini akan menyebabkan dokumen tawaran sebut harga **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN.**
- 3.7. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan ini juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini:-

No. Sebutharga: PHN.NS 05/2020
--

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PEMBENDAHARAAN 170)**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut harga.

Kepada (Nama syarikat)

Nama Syarikat

.....
.....

No. Telefon:

No. Pendaftaran dengan kementerian

Kewangan:

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
dengan perkhidmatan ini: **210101 dan 210102**

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh
Jabatan

**Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan,
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri,
Jalan Dato' Abdul Malek, 70503 Seremban,
Negeri Sembilan.**

No. Telefon: 06-7659849/7659875

Tarikh:

Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :

- 1.1 Syarat Penyerahan / Penyempurnaan : **Sila lihat Arahan Kepada Penyebut Harga**
- 1.2 Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan dikehendaki : **6 Minggu**
- 1.3 Arahan Pengirim : **Perkhidmatan tersebut hendaklah dijalankan mengikut skop kerja/ spesifikasi dan lokasi yang telah ditetapkan.**
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dengan bertanda : **No. Sebut harga : PHN.NS 05/2020**
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas **tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada 05 Oktober 2020 (Isnin)**
- 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : 1 Oktober 2020

Tandatangan :

Nama Pegawai : **MOHD HAFIZ BIN ZAINUDIN**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Jawatan : **Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan**

Bil.	Perihal bekal/perkhidmatan	Unit / Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
	Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan			Untuk Diisi oleh Penyebutharga	
1.	Sebutharga Bagi Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Perkakasan ICT Di Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan				
	Senarai Perkakasan ICT (seperti di Lampiran 2)				
2.	Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan				
	* sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 210101 dan 210102				
JUMLAH					
SST					
JUMLAH KESELURUHAN					

- Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- Tarikh penyerahan/penyempurnaan: **6 Minggu**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekal/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian item

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Penyebut harga boleh mencadangkan beberapa alternatif spesifikasi teknikal tetapi pihak Kerajaan tidak terikat untuk menerima semua alternatif yang dicadangkan.
- (iii) Pihak Kerajaan tidak akan melayan tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat perbezaan antara tafsiran penyebut harga dengan tafsiran Kerajaan mengenai spesifikasi tersebut.
- (iv) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu.
- (v) Fasal kecil di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK / BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama , nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

18. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan kadar segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (v) Tambahan klausa Pencegahan Rasuah dalam Dokumen Perolehan Kerajaan seperti di lampiran 3 juga adalah merupakan sebahagian daripada syarat-syarat am bagi sebut harga ini.
- (vi) Sehubungan dengan itu, semua Penyebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran 3 dan ia wajib dihantar bersama dengan dokumen tawaran sebut harga.

19. TEMPOH PENGHANTARAN

Penyempurnaan perkhidmatan menaik taraf sistem pengurusan stor tersebut sepenuhnya mestilah dilaksanakan dalam tempoh **ENAM (6) MINGGU** dari tarikh **penyebut harga menerima Surat Setuju Terima Sebut harga** daripada Kerajaan.

JADUAL TAWARAN HARGA
SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM
TEMPOH JAMINAN) PERKAKASAN ICT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN
NO. SEBUT HARGA : PHN.NS.SH 5/2020

Penyebut harga dikehendaki mengisi cadangan harga yang ditawarkan seperti di bawah:

Bil	Keperluan Mandatori	Kuantiti	Harga / Unit (RM)	Jumlah (RM)
1	Network Attached Storage (NAS) <ul style="list-style-type: none"> • Rackmount • 8-12 Bays • Hdd 2TB 3.5" Sata (8-12 unit) • Memory : 4 GB DDR4 minimum • 3year hardware warranty 	1		
2	Plotter <ul style="list-style-type: none"> • Color Large Format Printer (Up to A0 Size) • Print Speed (Line Drawing): Fast: 27sec/A1 • Up To 2400 X 1200 Optimized DPI • 1GB RAM Memory, 4 colors ink (CMYK) • in 1 paper loading, roll and sheet feed (built-in B+/A3 tray and front-loading media roll) • WiFi Ready, Fast Ethernet LAN, USB 2.0 Connectivity • LCD Touchscreen control panel with true print preview, automatic cutter ready • Come with media bin and stand • Print Languages: HP PCL3GUI, HP GL/2 • Minimum line width: 0.02mm (HP GL/2 addressable) • HP Click, HP DesignJet Utility for Windows, HP Smart app, HP Poster Web app • Supports Windows 7/8/8.1/10 • 3 years warranty 	2		
JUMLAH KESELURUHAN				

Harga Tawaran : **Ringgit Malaysia**

.....

Tandatangan: _____

Nama : _____

Cop Syarikat : _____

**JADUAL SPESIFIKASI PERKHIDMATAN
SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,
MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN)
PERKAKASAN ICT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
NO. SEBUT HARGA : PHN.NS.SH 5/2020**

Penyebutharga dikehendaki mengisi cadangan perkhidmatan yang dibekalkan berdasarkan berikut :

Penyebut harga diwajibkan mematuhi spesifikasi mandatori dicatatkan	M
Penyebut harga boleh mencadangkan spesifikasi lain dengan syarat melebihi spesifikasi minimum ditetapkan	A
Penyebutharga tidak boleh memberi pernyataan seperti "Noted", "Comply" and "As per required" dalam menjawab persoalan yang dinyatakan.	

Bil.	Keperluan Spesifikasi Minimum	Penyata	Pematuhan (Ya/Tidak)	Cadangan Penyebut Harga
1	<p>Network Attached Storage (NAS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rackmount • 8-12 Bays • Hdd 2TB 3.5" Sata (8-12 unit) • Memory : 4 GB DDR4 minimum • 3year hardware warranty 	A		
4	<p>Plotter</p> <ul style="list-style-type: none"> • Color Large Format Printer (Up to A0 Size) • Print Speed (Line Drawing): Fast: 27sec/A1 • Up To 2400 X 1200 Optimized DPI • 1GB RAM Memory, 4 colors ink (CMYK) • in 1 paper loading, roll and sheet feed (built-in B+/A3 tray and front-loading media roll) • WiFi Ready, Fast Ethernet LAN, USB 2.0 Connectivity • LCD Touchscreen control panel with true print preview, automatic cutter ready • Come with media bin and stand 	A		

Bil.	Keperluan Spesifikasi Minimum	Penyata	Pematuhan (Ya/Tidak)	Cadangan Penyebut Harga
	<ul style="list-style-type: none"> • Print Languages: HP PCL3GUI, HP GL/2 • Minimum line width: 0.02mm (HP GL/2 address-able) • HP Click, HP DesignJet Utility for Windows, HP Smart app, HP Poster Web app • Supports Windows 7/8/8.1/10 • 3 years warranty 			

Tandatangan : _____

Nama : _____

Cop Syarikat : _____

SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) PERKAKASAN ICT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
NO. SEBUT HARGA : PHN.NS.SH 5/2020**

Saya.....yang mewakili Syarikat bernombor pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan atau mana-mana individu lain sebagai tidak memberikan sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebutharga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan atau mana-mana individu-individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebutharga di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~/sebutharga* di atas, atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebutharga* di atas, dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K/P :

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 Seremban

Tuan,

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) PERKAKASAN ICT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN.

NO. SEBUT HARGA : PHN.NS.SH 5/2020

Adalah dimaklumkan bahawa syarikat _____ mengesahkan mengambil bahagian dalam Sebut harga **PHN.NS.SH 5/2020 SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMPOH JAMINAN) PERKAKASAN ICT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN NO. SEBUT HARGA : PHN.NS.SH 5/2020**. Harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah seperti dalam Jadual Harga (Jadual 1) yang terkandung di dalam tawaran sebut harga.

2. Syarikat bersetuju bahawa sebut harga yang ditawarkan ini sah laku selama Enam Puluh (60) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebut harga ini atau meminda harga.

3. Syarikat sebagai penyebut harga dengan ini bersetuju menerima, mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebut harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen sebut harga. Syarikat juga telah memahami bahawa Kerajaan berhak menerima atau menolak tawaran ini. Pihak Kerajaan juga adalah berhak mempersetujui tawaran sebut harga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.

4. Sekiranya sebut harga ini dipersetujui, maka pihak kami dalam masa tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis setuju terima dikeluarkan akan memberi Bon Pelaksanaan sebanyak RM_____ (Ringgit Malaysia : _____) kepada Kerajaan untuk memastikan kontrak dilaksanakan mengikut syarat-syarat di dalam kontrak (jika berkaitan).

5. Syarikat juga faham dan bersetuju iaitu apabila sebut harga ini dipersetujui melalui notis setuju terima maka sebahagian daripada kontrak adalah disifatkan sebagai telah dibuat diantara Syarikat ini dengan Kerajaan.

6. Kami yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan dokumen sebut harga yang digunakan ini adalah yang sebenarnya oleh syarikat ini.

Tandatangan :
Penyebutharga

Nama Penyebutharga :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Nama dan Alamat Syarikat:

Nombor Pendaftaran Syarikat :

Cop syarikat :

Tarikh :

Tandatangan :
Saksi

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Nama dan Alamat Syarikat:

Nombor Pendaftaran Syarikat :

Cop syarikat :

Tarikh :

BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:
(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____
 ii. Telefon Bimbit : _____
 iii. Fax : _____
 iv. Cawangan : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
 (Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga : _____

4.2. Taraf Penyebut Harga: *Bumiputra/Bukan Bumiputra
 (Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. MODAL PENYEBUT HARGA: (Isi mana yang berkenaan sahaja)

5.1. Perseorangan/Perkongsian : RM _____

5.2. Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.)/Berhad (Bhd) :

5.2.1. Modal Dibenar : RM _____

5.2.2. Modal Dibayar : RM _____

6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

6.1. Perseorangan:

Nama Pemilik: _____

No. K/P: _____

6.2. Perkongsian:

Nama Pekongsi	No. K/Pengenalan	% Kongsian

6.3. Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. K/Pengenalan	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

7. PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR

(Jun 2020, Julai 2020, Ogos 2020)

Baki Akaun Bank Tertinggi :

Baki Akaun Bank Terendah :

Penyata Bank mulai : _____ hingga _____

Nilai Aset Semasa :

Nilai Liabiliti Semasa :

**** PENYEBUT HARGA WAJIB** menyertakan **PENYATA KEWANGAN** untuk 3 bulan. Kegagalan menyertakan dokumen berkenaan akan menyebabkan Sebutharga tidak akan dipertimbangkan.

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

PENGALAMAN SYARIKAT

Senarai Pengalaman Dalam Perkhidmatan mengikut bidang yang berkaitan sahaja

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

**KERJA-KERJA SEMASA YANG SEDANG DIJALANKAN
(Kontrak Masih Berkuatkuasa)**

Bil.	Jenis/Bidang Kontrak	Nama Agensi Kerajaan/Swasta	Nilai (RM)	Tempoh Kontrak
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

SENARAI SEMAK

Sila Tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga	
			Pengerusi	Ahli
1	Lampiran Q			
2	Lampiran 1 - Jadual Tawaran Harga			
3	Lampiran 2 - Jadual Speksifikasi Perkhidmatan			
4	Lampiran 3 - Surat Akuan Pembida			
5	Lampiran 4 - Borang Akuan Sebutharga			
6	Lampiran 5 - Borang Maklumat Penyebut Harga			
7	Salinan resit asal pembelian dokumen Sebut Harga			
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia			
9	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia			
10	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)			
11	Salinan Penyata Bank untuk tiga (3) bulan terakhir (Jun 2020, Julai 2020, Ogos 2020)			

12	Lampiran 6 - Pengalaman Syarikat			
13	Lampiran 7 - Kerja-kerja Semasa Yang Sedang Dijalankan			
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan (1):</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan (2):</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>		

Catatan:

- Sila lampirkan senarai semak di muka hadapan Dokumen Sebut harga.
- Susunan dokumen adalah mengikut senarai semak.